

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
(BUKIT MERTA JAM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik pinjaman setiap bank mengikut sektor dan jumlah setiap sektor daripada 1990 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Januari sehingga Ogos 2016, jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan sebanyak RM1,472.1 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 57 peratus atau RM845.5 bilion adalah pinjaman kepada sektor isi rumah. Statistik pengelasan pinjaman bank yang terkini mengikut sektor bagi tempoh setakat Januari sehingga Ogos 2016 adalah seperti dalam

jadual berikut :

Sektor	Setakat Ogos 2016 (RM Bilion)
Pertanian Primer	36.7
Perlombongan dan kuari	12.3
Perkilangan (termasuk asas tani)	98.4
Elektrik, gas dan bekalan air	9.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	108.5
Pembinaan	62.5
Harta tanah	104.3
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	33.5
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	103.1
Pendidikan, kesihatan dan lain- lain	42.2
Sektor isi rumah	845.5
Sektor lain	15.4
JUMLAH PINJAMAN	1472.1